

Nama : _____ Darjah : _____

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Sangkar itu tahan lama.

Memastikan bekalan oksigen yang cukup dan mengeluarkan bahan buangan dari dalam sangkar secara semula jadi.

Cuaca sejuk dan anak ikan tidak panas.

Ikan akan cepat matang.

Kolam Ikan dan Hasilnya

Aidil dan bapanya berhasrat untuk menternak ikan tilapia di dalam sangkar di sebatang sungai.

Mereka mencari kawasan sungai yang agak dalam, airnya bersih dan sentiasa mengalir.

Selepas itu, bapanya membeli sangkar yang diperbuat daripada besi. Bapa Aidil meminta beberapa orang pekerjaanya memasukkan sangkar itu ke dalam sungai.

Aidil dan bapanya melepaskan benih ikan pada waktu pagi. Mereka melepaskan sebanyak 500 ekor benih ikan tilapia ke dalam sangkar.

Pada setiap hari, Aidil membantu bapanya memberikan ternakan ikannya makan pelet dan makanan lain yang telah diproses. Selepas beberapa bulan, ikan-ikan itu sudah boleh dipasarkan. Ikan-ikan itu dijual kepada peraih.

Isi Tersurat	Isi Tersirat
Perenggan 1 ... mencari kawasan sungai yang agak dalam, airnya bersih dan sentiasa mengalir.	
Perenggan 2 ... membeli sangkar yang diperbuat daripada besi	
Perenggan 3 ... melepaskan benih ikan pada waktu pagi.	
Perenggan 4 ... memberikan ternakan ikannya makanan pelet dan makanan lain yang telah diproses.	